

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH  
[ KUANTAN ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan kriteria pemilihan kelayakan membeli dan menghuni perumahan nelayan Bunut Rendang, Kuantan dan bagaimana Kementerian memastikan hanya nelayan yang aktif dan benar-benar layak sahaja dipilih, dan berapa jumlah nilai harga rumah dan pembiayaan yang disediakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kriteria pemilihan kelayakan bagi membeli dan menghuni Perumahan Nelayan Bunut Rendang, Kuantan yang ditetapkan oleh Kementerian berdasarkan Garis Panduan Pelaksanaan Projek Khas Perumahan Nelayan Bilangan 1 Tahun 2019 adalah seperti berikut:

- i. Warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas;
- ii. Ketua Isi Rumah (KIR) Nelayan yang menjalankan aktiviti menangkap ikan sebagai sumber pendapatan utama;
- iii. Memiliki Kad Nelayan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia (DOF);
- iv. Berdaftar sebagai Ahli Persatuan Nelayan; dan
- v. Tidak memiliki rumah sendiri, menyewa, menumpang atau rumah sedia ada tidak selamat untuk didiami.

2. Dalam usaha memastikan hanya nelayan yang aktif dan berkelayakan mendapat faedah daripada program ini, LKIM akan membuat semakan terlebih dahulu dan seterusnya mengadakan proses temuduga sebelum senarai nama tersebut diangkat kepada Kementerian untuk kelulusan.

3. Bagi program perumahan nelayan ini, Kerajaan telah memperuntukan sebanyak RM70,000/unit bagi kos pembinaan rumah, manakala kos tanah ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Pahang. Harga jualan rumah PSN Bunut Rendang yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Pahang adalah bernilai RM35,000.00/unit melalui pembiayaan daripada Agrobank.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [ KUANTAN ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status pembinaan baru Sekolah Menengah Kebangsaan Saint Thomas, Kuantan seperti yang dijanjikan sebelum ini.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited dalam usaha menyediakan prasarana dan kemudahan infrastruktur pendidikan kepada semua murid di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Saint Thomas, Kuantan telah mula beroperasi di perkarangan Gereja Saint Thomas pada April 1950 dan diisytiharkan sebagai sebuah sekolah bantuan kerajaan (SBK) pada 1953. Pada 16 Ogos 2013, pihak gereja menamatkan operasi sekolah tersebut dan mengambil semula tanah tapak sekolah berkenaan untuk kegunaan gereja.

SMK St Thomas, Kuantan telah berpindah secara keseluruhan (*en bloc*) dan menumpang di SMK Sultan Abu Bakar, Kuantan Pahang pada

31 Disember 2013 manakala KPM telah meluluskan pertukaran status SMK St Thomas kepada Sekolah Kerajaan pada 31 Januari 2014.

Bagi memenuhi keperluan pendidikan murid di SMK St Thomas dan mengatasi isu sekolah menumpang, KPM telah merancang pembinaan sekolah baharu dalam *Rolling Plan* RP 3 (Tahun 2018) Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11). Walau bagaimanapun, projek pembinaan sekolah baharu ini dipindahkan ke tapak baharu memandangkan lokasi projek ini berada di atas kawasan berpaya dan memerlukan kos yang tinggi bagi kerja-kerja rawatan tanah dan perlindungan cerun. Lokasi projek ini juga didapati tidak selamat untuk dibina bangunan sekolah.

Susulan itu, KPM merancang semula projek pembangunan sekolah baharu ini dengan pembinaan sebuah Kompleks Pendidikan di kawasan bandar baharu KOTASAS dan permohonan untuk pembinaan sekolah rendah 18 bilik darjah dan sekolah menengah 24 bilik darjah serta kemudahan-kemudahan lain telah diluluskan dalam *Rolling Plan* 1 (Tahun 2021) RMKe-11.

Sekian.